

CNS3403

R GB 29-01 00158 BB900

bah

Mahathir - Keistimewaan

KEISTIMEWAAN RAJA DIHADKAN BUKAN KERANA DENDAM, KATA MAHATHIR

JITRA, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah menghadkan pemberian kemudahan dan keistimewaan Raja-raja kepada setakat yang ditentukan dalam Perlembagaan, bukan kerana kerajaan berdendam.

Katanya kerajaan tidak berniat untuk membalas dendam tetapi kerana tidak tahan lagi dengan karenah Raja-raja yang meminta pelbagai keistimewaan yang bukan hak mereka.

"Bukan pasal nak balas dendam. Sudah lama kita nak hentikan tapi tak boleh," katanya pada majlis perjumpaan dengan penduduk Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini.

Dr Mahathir, yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu, berkata permintaan raja-raja untuk mendapatkan keistimewaan yang bukan hak seperti yang ditentukan dalam Perlembagaan itu, bukan membabitkan jumlah yang sedikit malah berpuluh juta ringgit.

Beliau berkata walaupun kerajaan tidak berniat untuk berdendam tetapi beliau mengakui bahawa cara kerajaan melaksanakannya mungkin "terkasar sedikit". -- Lagi

▼29/01/17-03MST

CNS3434

R GB 29-01 00118 BB901

bah

Mahathir - Keistimewaan 2 Jitra

"Kita bagi semua kemudahan tetapi mereka nak lebih. Bila raja meminta, payahlah pegawai-pegawai kata tak boleh.

"Saya pun, kalau tak bagi, nak bermasam muka. Kadang-kadang suruh saya lulus juga," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata antara perbuatan Raja-raja itu ialah meminta kawasan balak, berbelanja mewah ketika melancong ke luar negara, mengimport kereta tanpa permit (AP), tidak membayar cukainya dan menjual pula kereta-kereta itu kepada "tauke-tauke".

Katanya, selain itu, ada juga dilaporkan Raja-raja membuat istana yang mempunyai sehingga 40 bilik.

Dr Mahathir berkata jumlah puluhan juta wang yang dibelanjakan untuk keistimewaan Raja-raja, yang bukan hak mereka itu, sebenarnya wang rakyat.

-- Lagi

▼29/01/17-30MST

CNS3437

R GB 29-01 00127 BB902

bah

Mahathir - Keistimewaan 3 Jitra

Katanya sungguhpun bukan semua Raja melakukan perbuatan seumpama itu tetapi "sedikit-sebanyak setiap Raja terlibat."

"Tak cukup Raja-raja, anak-anak raja pun buat kelaku macam itu juga," tambahnya.

Beliau berkata kerajaan bukan tidak pernah menegur perilaku Raja-raja itu kerana ia telah menegurnya beberapa kali tetapi ia masih berlaku lagi.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa rakyat memilih sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan semasa mencapai kemerdekaan kerana sistem itu sahaja yang difikirkan dapat membela nasib rakyat.

Katanya sejarah telah membuktikan bahawa sistem feodal dan pemerintahan raja mutlak yang diamalkan oleh orang Melayu sebelum dan semasa penjajahan British, menyebabkan rakyat tidak mempunyai peranan dalam pemerintahan dan nasib mereka tidak terbela. -- Lagi

▼29/01/17-31MST

CNS3467

R GB 29-01 00131 BB903

bah

Mahathir - Keistimewaan 4 Jitra

Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya mengambil pengajaran daripada sejarah pembentukan Malayan Union pada 1946, apabila raja-raja Melayu menandatangani persetujuan untuk menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada British.

Bagaimanapun, kerana rakyat bangun memprotes, akhirnya British tidak jadi menubuhkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Malaya.

Menurutnya, sekiranya British dapat membentuk Malayan Union ketika itu, peranan Raja-raja hanya sebagai "kadi" sahaja iaitu berkuasa dalam adat istiadat oleh Melayu dan agama Islam sahaja.

Katanya sejarah itu menunjukkan bahawa di bawah sistem feodal di mana rakyat menyerahkan nasibnya kepada raja, raja tidak dapat menjaga hak rakyat.

"Saya cakap ini bukan nak jatuhkan raja, tetapi saya ada ketika (peristiwa) itu bukan saya baca dalam buku sejarah sahaja," katanya. -- Lagi

▼29/01/17-50MST

CNS3469

R GB 29-01 00146 BB904

bah

Mahathir - Keistimewaan 5 (Akhir) Jitra

Perdana Menteri juga menafikan tuduhan sesetengah pihak kononnya kerajaan hendak menubuhkan republik.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, beliau menyatakan rasa kecewa terhadap parti pembangkang, termasuk Pas dan DAP, kerana tidak mengundi menyokong pindaan Perlembagaan itu walaupun pada mulanya mereka menyokong.

Katanya, pendirian Pas, yang menyatakan bahawa tiada imuniti dalam Islam tetapi tidak menyokong pindaan itu kerana pendedahan mengenai kesalahan-kesalahan Raja, menunjukkan parti itu tidak mempunyai prinsip.

"Ini yang kita berasa kecewa, kenapa parti yang mendakwa dirinya sebagai berpegang kepada ajaran Islam dan tahu dan telah berkali-kali mendakwa bahawa dalam Islam tiada imuniti tetapi memberi alasan kononnya kerana pendedahan (mengenai kesalahan raja-raja), mereka tidak dapat menyokong. Ini tak betullah," kata Dr Mahathir.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff. -- Bernama

▼29/01/17-54MST